

Pemuda UMNO meluat, bosan sikap Dr. Mahathir

Oleh ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 27 Okt.-Pergerakan Pemuda UMNO hari ini melahirkan rasa meluat dan bosan dengan sikap Tun Dr. Mahathir Mohamad yang terus menerus mengkritik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau sama sekali tidak akan membiarkan tumpuan seluruh ahli pergerakan itu terjejas disebabkan polemik yang timbul dan berasa berbehal-bahagi.

"Sokongan Pemuda kepada Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO serta kepimpinannya tidak boleh dipersoal.

"Kita akan terus mempertahankan institusi parti dari pastikan perjuangannya terus relevan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Perdana Menteri semalam melahir-

' Kita akan buktikan bahawa kerajaan di bawah kepimpinan Pak Lah tetap relevan, bertanggungjawab, komited, bekerja kuat dan bersemangat tinggi untuk memberi kesejahteraan serta kemajuan kepada seluruh rakyat negara ini

HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN
Ketua Pergerakan
Pemuda UMNO

kan perasaan sedih dan kecewa dengan tindakan Dr. Mahathir yang terus mengkritik beliau secara terbuka selepas pertemuan mereka dua hari sebelum Aidilfitri.

Abdullah menyifatkan tindakan Dr. Mahathir itu umpama racun yang berbisa sedangkan bekas Perdana Menteri itu telah diberi peluang untuk mengutarakan perasaan tidak puas hatinya dalam pertemuan tersebut.

Sehubungan itu, jelas Hishammuddin, beliau sendiri akan turuh padang untuk

menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya selaku Menteri Pelajaran.

Menurutnya, banyak perkara yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan bagi merealisasikan segala perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Kita akan buktikan bahawa kerajaan di bawah kepimpinan Pak Lah tetap relevan, bertanggungjawab, komited, bekerja kuat dan bersemangat tinggi untuk memberi kesejahteraan serta kemajuan kepada seluruh rakyat negara ini," katanya.